

## Bab 6

---

# ***Wasatiyyah* Ialah Keseimbangan Dalam Beragama Bukan Kesederhanaan**

*Muhamad Faisal Ashaari, Muhamad Zulkifli Abdul Ghani,  
Abdul Ghafar Don & Zulkefli Aini*

### **Pengenalan**

Sejak kebelakangan ini, perkataan *wasatiyyah* diwacanakan secara meluas dalam masyarakat. Ia merupakan sesuatu yang fundamental di dalam Islam yang sepatutnya diberikan penekanan sejak dahulu lagi. Namun apabila ia diberikan penekanan yang serius bukan sahaja dalam kalangan orang Islam, tetapi juga oleh Barat maka ia dilihat mempunyai agenda yang tersendiri. Oleh kerana tafsiran *wasatiyyah* itu sangat luas, masing-masing cuba memperlihatkan corak tafsiran masing-masing bagi menentukan hala tuju umat Islam. Ada yang cuba mentafsirkan *wasatiyyah* sebagai keseimbangan dalam mengamalkan ajaran Islam dan meletakkan sesuatu tanggungjawab pada haknya. Aliran ini terdiri dari mereka yang mempunyai sifat yang ikhlas dan bertanggungjawab terhadap Islam seperti al-Qaradawi (2006), al-Sallabi (2001) dan M. Kamal Hasan (2012).

Sebaliknya ada aliran yang cuba mentafsirkan Islam sesuai dengan perkembangan moden pada hari ini dan melihat pembangunan itu sebagai keutamaan berbanding soal akidah dan akhlak Islam. Aliran ini melihat mana-mana pihak yang menekankan soal akidah termasuklah pembentukan negara Islam sebagai fundamentalis, ekstremis dan radikal yang perlu disederhanakan. Aliran ini mempopularkan tafsiran *wasatiyyah* sebagai kesederhanaan tanpa melihat secara keseluruhan cara Rasulullah dan para sahabat membangunkan Islam. Dengan hanya merujuk kepada erti kesederhanaan daripada sudut bahasa sahaja, ia boleh menimbulkan salah faham dalam masyarakat apabila masing-masing takut atau malu untuk menjadi orang yang wara' dan kuat beragama. Mereka khuatir diklasifikasikan sebagai orang yang tidak sederhana atau seorang yang melampau sedangkan Islam menuntut umatnya menjadi orang yang wara'

dan bertaqwa. Tafsiran pendekatan dan pembawaan dalam beragama mestilah merujuk kepada al-Quran dan hadis serta amalan hidup Rasulullah dan para sahabat, bukan dengan melihatnya dari sudut bahasa sahaja.

Selain itu, memahami *wasatiyyah* tidak sekadar daripada sudut konsep dan definisi sahaja, tetapi perlu dilihat latar belakang suasana ia diperkenalkan. Perkataan *wasatiyyah* terdedah kepada salah guna pihak yang tertentu untuk mengelirukan umat Islam dan akhirnya boleh menjauhkan mereka dengan agama. Kekeliruan tentang erti *wasatiyyah* juga menyumbang kepada terbantutnya usaha dakwah kerana ia mungkin bercanggah dengan prinsip keharmonian yang dipegang oleh sesetengah pihak. Ia juga menyumbang kepada salah faham tentang cara pandang terhadap kehidupan yang boleh menjejaskan usaha menjadi manusia yang terbaik. Oleh sebab itu, *wasatiyyah* perlu dijadikan sebagai batu asas untuk memperkukuhkan ajaran Islam dan membawa kepada keseimbangan, bukan kepada melemahkan Islam yang pastinya dialu-alukan oleh pihak barat. Artikel ini akan membicarakan konsep dan definisi *wasatiyyah* serta membicarakan tentang polemik yang selalu dibicarakan dalam wacana *wasatiyyah*. Ia juga turut membincangkan latar belakang konsep *wasatiyyah* yang perlu difahami sebelum membicarakan dengan lanjut aplikasi *wasatiyyah* dalam masyarakat.

## Konsep Wasatiyyah

*Wasatiyyah* merupakan salah satu konsep yang penting terdapat dalam Islam kerana ia berkaitan dengan cara dan pembawaan agama dalam kehidupan seseorang dan masyarakat. Oleh kerana konsep *wasatiyyah* sangat luas dan mencakupi seluruh aspek kehidupan, ia tidak diambil dari sudut bahasa sahaja atau pun satu ayat al-Quran sahaja. Ia perlu diambil dari gabungan beberapa ayat al-Quran dan hadis secara holistik berkaitan dengan hala tuju hidup seorang Muslim yang terbaik. Rasulullah s.a.w. telah menunjukkan teladan yang terbaik dalam pengamalan Islam yang perlu dicontohi oleh umatnya.

Pada asasnya, konsep *wasatiyyah* diambil dari perkataan *wasat* yang membawa maksud terbaik dan terpilih (*Lisan al-'Arab*, 1993). Ia diambil dari firman Allah S.W.T. dalam surah al-Baqarah ayat 143 yang menyebutkan bahawa umat Muhammad adalah *ummat wasata* yang menjadi saksi terhadap umat yang terdahulu. Dalam mentafsirkan maksud *ummat wasata*, para mufassir seperti al-Qurtubi, al-Shawkani dan al-Tabari sepakat bahawa *ummat wasata*, membawa maksud ummah yang

terpilih dan terbaik. Ummah yang terbaik dan terpilih ini tentulah umat yang bertaqwa iaitu dengan melaksanakan semampu mungkin segala perintah Allah S.W.T. dan meninggalkan segala larangan Allah-Nya. Dia berusaha melaksanakannya biarpun tidak digemari oleh nafsu. Manakala dalam perkara ibadat, dia terus melakukannya dengan bersungguh biarpun bercanggah dengan logik akal manusia. Sifat ummah yang terbaik ini bukanlah seperti orang Kristian yang melampau (*ghuluww*) kerana menganggap Nabi Isa a.s. sebagai tuhan, dan bukan pula menjadi seperti orang Yahudi yang cuai kerana tidak mengikuti malahan memesongkan ajaran di dalam kitab. Dengan kata lain, untuk menjadi ummat yang terbaik perlu berusaha dengan sedaya upaya melaksanakan perintah Allah S.W.T. dan tidak melakukan perkara yang tidak diperintah dalam agama. Perkara ini juga telah ditegaskan dalam hadis Rasulullah s.a.w. yang turut memperakukan bahawa umat Muhammad merupakan saksi terhadap umat yang terdahulu (al-Bukhari, no hadis 4487).

Konsep *wasatiyyah* juga diambil dari perkataan *al-Qist* (القسط) Surah al-Shu'ara' ayat 182 dan *al-Qistas* (القسطاس) Surah al-Isra' ayat 135 yang membawa maksud pertimbangan yang adil iaitu memberikan hak kepada mereka yang berhak tanpa melampau dan berkurang. Menurut al-Qaradawi (2006), akal manusia tidak dapat memutuskan dengan adil tentang semua hak itu melainkan dengan pertimbangan wahyu. Ada perkara yang manusia merasakan bahawa itu adalah hak, sedangkan ia bukan haknya tetapi ia hanyalah keinginan sahaja. Contohnya ada yang merasakan tukar jantina sebagai hak, tetapi ia hanyalah keinginan sahaja kerana Islam tidak membenarkannya. Ada juga manusia merasakan itu haknya, tetapi ada hak orang lain yang perlu diutamakan. Contohnya, menghormati ibu bapa bukanlah sehingga menyembah mereka kerana Islam tidak membenarkannya. Membuat pertimbangan yang adil mestilah menerusi wahyu kerana akal manusia tidak mampu untuk mencapai keadilan. Sekiranya diberi peluang kepada manusia untuk menentukan sesuatu, kebiasaannya dia akan terkesan dengan kepentingan diri, jantina, warna kulit, sifat kekeluargaan dan sebagainya.

Konsep *wasatiyyah* juga diambil dari banyak ayat al-Quran dan Sirah Rasulullah s.a.w. yang memberikan penekanan terhadap misi penting manusia untuk pembangunan akidah Islam. Ketika zaman Rasulullah s.a.w., baginda tidak sibuk membina tali air dan membina apa-apa projek pembangunan tetapi baginda selama 13 tahun menanamkan soal akidah di Mekah. Pernah ada orang Quraysh meminta Rasulullah s.a.w. menyediakan mata air yang boleh mengairi ladang, atau pun mengadakan ladang kurma dan anggur yang mempunyai tali air sebagai syarat untuk mereka beriman seperti dicatat dalam Surah al-Isra' ayat 90-

93. Walau bagaimanapun, Rasulullah s.a.w. tidak melayan tuntutan mereka dan itu hanyalah suatu ejekan terhadap Islam. Walau pun Rasulullah s.a.w. tidak membawa projek pembangunan kepada masyarakat Arab, ini tidak bermakna baginda tidak mengambil berat tentang aspek ini. Baginda telah merubah kehidupan masyarakat jahiliyyah yang mempunyai nilai hidup yang songsang kepada suatu nilai hidup baru berasaskan kepada wahyu. Pembangunan kemanusiaan ini sangat penting kerana pegangan terhadap nilai hidup yang songsang tidak membawa kebahagiaan kepada manusia. Oleh sebab itu, baginda menghabiskan masa selama 13 tahun di Mekah untuk mengubah nilai berkenaan sehinggalah akhirnya Baginda berpindah ke Madinah. Dalam masa yang ringkas, baginda telah dapat membina sebuah masyarakat Islam di semenanjung Tanah Arab melebihi 100 ribu orang.

Konsep *wasatiyyah* juga diambil daripada beberapa hadis Rasulullah s.a.w. yang membimbing para sahabat dalam beramal dengan Islam. Sebagai contoh; Rasulullah s.a.w. memarahi Muaz r.a. kerana membaca Surah al-Baqarah ketika menjadi imam Solat Isyak yang mengambil masa sekitar dua hingga tiga jam kerana ia akan membawa masalah kepada makmum yang terdiri dari pelbagai latar belakang (al-Bukhari, hadis no. 670). Rasulullah s.a.w. menegah sahabat daripada berpuasa sepanjang siang dan bangun sepanjang malam serta mengabaikan hak isteri (al-Bukhari, hadis no. 1867). Rasulullah s.a.w. juga menegur sahabat yang tidak mahu berkahwin dan hanya mahu menumpukan kepada ibadat (al-Bukhari, hadis no. 4776). Rasulullah s.a.w. memberikan tiga jawapan yang berbeza kepada para sahabat yang bertanya soalan yang sama iaitu “apakah amalan yang paling afdal?” (al-Bukhari, hadis no. 504). Teguran dan bimbingan Rasulullah s.a.w. ini menunjukkan terdapat pemahaman yang salah dalam kalangan para sahabat tentang Islam sehingga boleh mengabaikan hak diri sendiri dan orang lain.

Ringkasnya, konsep *wasatiyyah* sangat luas. Ia bermula dengan usaha menjadi umat yang terbaik dan dalam usaha mencapainya, banyak tugas dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Oleh itu, ia perlu dilaksanakan berdasarkan kepada keutamaan kerana tidak semua tanggung jawab itu dapat dilaksanakan secara sekaligus. Dalam masa yang sama, kemampuan setiap individu pun berbeza antara seorang dengan seorang yang lain. Dalam beberapa hadis di atas, Rasulullah s.a.w. telah membimbing para sahabat mengamalkan Islam secara seimbang.

## ***Wasatiyyah* Bukan Kesederhanaan Tetapi Keseimbangan**

Berdasarkan kepada konsep *wasatiyyah* yang dibincangkan sebelum ini, para ulama telah memberikan definisi *wasatiyyah* dengan maksud keseimbangan, kecemerlangan dan keadilan. Ia tidak bermaksud kesederhanaan, jauh sekali dari bersikap lebih kurang atau biasa-biasa sahaja kerana Islam merupakan agama yang seimbang dan telah mengambil kira kepentingan keseluruhan aspek manusia. Pada asasnya, kesederhanaan bukanlah terjemahan yang tepat kepada *al-wasatiyyah*. Para ulama tidak mendefinisikan *al-wasatiyyah* dengan maksud sederhana seperti yang mungkin difahami oleh sesetengah pihak, namun *al-wasatiyyah* mempunyai elemen pertengahan kerana perkataan *al-wasatiyyah* juga ada kaitan dengan perkataan *wast* (al-Sallabi, 2001) Ia membawa maksud pertengahan antara dua perkara yang boleh diterjemahkan sebagai *al-i'tidal*.


Konsep pertengahan boleh disamakan dengan konsep bersederhana tetapi ia tidak wujud dalam beragama kerana seorang Muslim perlu mencari yang terbaik dalam beragama. Namun, kesederhanaan wujud dalam penampilan dan dalam berbelanja sebagaimana firman Allah S.W.T. yang menyarankan agar tidak terlalu boros dan tidak terlalu kedekut (al-Isra': 29). Ia melibatkan cara seseorang itu menggunakan harta dan kekayaan, namun dalam beragama kita dituntut untuk menjadi orang Islam yang terbaik. Keseimbangan ini boleh dilihat dari dua sudut iaitu;

Pertama: Islam sangat mementingkan keseimbangan kerana dalam satu-satu masa seseorang itu mempunyai pelbagai tanggungjawab yang perlu dijalankan; sebagai anak, sebagai pekerja, sebagai ayah, sebagai suami, sebagai isteri, sebagai majikan, sebagai jiran, sebagai sahabat dan sebagainya. Setiap satu dari tanggungjawab berkenaan ada yang berada pada tahap fardu ain dan ada pula fardu kifayah; ada pula yang wajib dan ada yang sunat. Situasi ini ditunjukkan dalam rajah 1.

Berdasarkan kepada Rajah 1, menjadi kewajipan kepada seorang Muslim untuk melaksanakan seluruh tanggungjawab yang fardu ain dan perkara wajib, kemudian barulah menyempurnakan tanggungjawab fardu kifayah dan perkara sunat. Begitu juga, dalam setiap fardu ain itupun ada turutan keutamaan seperti mendahulukan hak Allah S.W.T. berbanding hak manusia. Adalah salah sekiranya satu tanggungjawab sahaja disempurnakan seperti hanya melunaskan tanggungjawab sebagai pekerja sehingga berjaya menjadi pekerja yang cemerlang di tempat kerja, tetapi menjadi ayah yang tidak bertanggungjawab di rumah. Apabila perkara ini berlaku, garisan fardu ain dalam Rajah 1 di atas tidak lagi mendatar kerana

terdapat perkara fardu ain yang tidak dijalankan dengan sempurna. Ini bermakna, semua perkara itu perlu dijalankan secara seimbang dengan maksud melaksanakan semua tanggungjawab itu dengan baik. Orang Islam perlu menjadi Muslim yang terbaik bagi mencapai keredaan Allah S.W.T., bukan Muslim yang biasa-biasa. Islam turut mementingkan keseimbangan agar tidak mengabaikan hak orang lain, bukan dengan menyederhanakan orang Islam dari melakukan yang terbaik untuk agamanya.

RAJAH 1: Tanggungjawab antara fardu ain dan fardu kifayah



Kedua: Pelaksanaan Islam secara seimbang juga membawa maksud memastikan kehendak matlamat Islam itu tercapai dalam masa pendek dan panjang. Sebagai contoh, Islam menegah orang Islam daripada melaksanakan Nahi Mungkar yang akan menatijahkan kemungkaran yang lebih besar lagi. Sebagai contoh, menegur orang yang tidak solat dengan cara yang kasar bukan sahaja akan gagal menghentukan kemalasannya tetapi kemungkinan akan menyebabkan berlaku lagi kemungkaran yang lain seperti dia akan marah dan dia akan bertindak dengan lebih buruk lagi. Daripada satu kemungkaran, lahir pula dua malah mungkin tiga lagi kemungkaran. Ini tidak betul. Rasulullah s.a.w. sendiri pernah melarang para Sahabat dari mengambil tindakan ke atas seorang Arab Badawi yang sedang kencing di dalam masjid kerana tindakan itu akan menyebabkan lebih banyak mudarat berbanding manfaat.

Oleh itu mengetahui keutamaan ini penting di dalam Islam agar ia dapat membawa kepada keseimbangan. Ini yang dinamakan dengan Fiqh Keutamaan” atau “*Fiqh al-Awlawiyyat*” dan ulama yang memperincikan perkara ini seperti Yusuf al-Qaradawi dan Majdi al-Hilali. Mereka telah membincangkan keseimbangan pelaksanaan Islam antara *ifrat*

(keterlaluan) dan *tafrit* (cuai). *Ifrat* membawa maksud keterlaluan sehingga mengabaikan hak orang lain dan manakala *tafrit* pula ialah kecuai dan langsung mengabaikan ajaran Islam. Umat Islam perlu seimbangkan antara dua perkara ini, bukan menyederhanakannya.

Dalam mendefinisikan erti *wasatiyyah*, al-Qaradawi (2011) telah menyenaraikan memperincikan enam elemen *wasatiyyah* iaitu keadilan, istiqamah, terbaik, keamanan, kekuatan dan kesatuan. Semua elemen ini mencerminkan pendekatan *wasatiyyah* yang seimbang dalam semua keadaan dengan mendahulukan sesuatu pada tempatnya. Beliau telah membincangkan *wasatiyyah* dalam akidah, ibadat dan syiar Islam, akhlak, pensyariatan dan keseimbangan antara individu dan jamaah. al-Sallabi (2001) telah merujuk asal perkataan *wasatiyyah* dari *al-wasat*, *al-wast*, dan *al-ausut*. Beliau telah menyimpulkan bahawa *wasatiyyah* mestilah terdiri dari dua sifat penting iaitu *al-khairiyyah* (kecemerlangan) dan *al-bayniyyah* (pertengahan). Menurut beliau, kedua sifat ini mestilah seiring kerana kecemerlangan sahaja tanpa pertengahan tidak boleh dinamakan dengan *wasatiyyah* kerana akan ada hak yang terabai. Melaksanakan sesuatu tetapi tidak berusaha mencapai tahap yang terbaik pula, tidak boleh dinamakan dengan *wasatiyyah*.

Menurut M. Kamal Hassan (2011), matlamat *wasatiyyah* dalam Islam ialah untuk memperoleh keadilan, moral yang cemerlang, menjauhi sikap yang keterlaluan dan ketidakadilan yang mungkin/tidak menyebabkan kesusahan dan bebanan yang tidak perlu terhadap diri dan orang lain. Skop *wasatiyyah* ialah gabungan hikmah yang meliputi keadilan, kebaikan, tolarensi, kerjasama, menghargai persamaan, menerima kepelbagaian budaya atau etnik dan sikap yang optimis. Beliau tidak menafsirkan dan menyamakan *wasatiyyah* dengan kesederhanaan, malah beliau menambah bahawa *wasatiyyah* membawa beberapa maksud seperti keadilan, kecemerlangan dan keseimbangan. Biarpun, dalam penulisan beliau menggunakan perkataan *moderation*, tetapi tafsiran beliau terhadap *wasatiyyah* itu tidak sama dengan konsep barat tentang *moderation*.

*Wasatiyyah* menurut Mohammad Kamil et. al (2012) daripada sudut bahasa membawa maksud seimbang dan pertengahan. Manakala dari segi istilah bermaksud berada di tempat yang sesuai antara dua situasi yang bertentangan dengan mengambil pendekatan yang seimbang dalam berhadapan dengan apa-apa yang berlaku dalam kehidupan. Beliau mengatakan juga bahawa *wasatiyyah* diambil daripada sumber Al-Quran yang bercirikan sifat adil dan terpuji dan perlu diamalkan oleh umat Islam. Penjelasan yang mereka berikan ini memberi erti bahawa *wasatiyyah* ialah

menjadi manusia yang terbaik dan seimbang dalam seluruh aspek kehidupan.

Ringkasnya, tafsiran tentang *wasatiyyah* mestilah mengambil kira maksudnya dalam bahasa Arab dan penggunaannya di dalam al-Quran dan hadis. Ia tidak boleh diambil daripada sudut bahasa sahaja yang mungkin akan memberikan tafsiran yang pelbagai. Sekiranya *wasatiyyah* diterjemahkan kepada “kesederhanaan” ia boleh ditafsirkan secara mudah oleh pelbagai lapisan masyarakat. Tanpa panduan dari wahyu, dikhuatiri ia akan menjerumuskan kepada tafsiran yang salah dan pemahaman Islam yang longgar.

### **Di Sebalik Perkataan *Wasatiyyah***

Sejak sedekad kebelakangan ini, perkataan *wasatiyyah*, kesederhanaan dan *moderation* seringkali berlegar bukan sahaja dalam kalangan umat Islam tetapi juga dalam media antarabangsa. Di Malaysia, perkataan *wasatiyyah* mula mendapat tempat selepas perkataan Islam Hadhari tenggelam dan tidak lagi digunakan. Terdapat dua latar belakang yang melatari perkembangan perkataan *wasatiyyah* mutakhir ini. Pertama, apabila umat Islam yang hilang keutamaan kerana ada dalam kalangan mereka yang melampau dalam sesetengah amalan agama dan meninggalkan kewajipan yang lain. Ada yang mengamalkan yang sunat tetapi meninggalkan yang wajib atau mengamalkan yang wajib dan dalam masa yang sama mengamalkan yang haram. Masalah ini memang berlaku sejak zaman Rasulullah lagi kerana mungkin mereka terlalu bersemangat sehingga hilang keutamaan dengan hanya menumpukan kepada sesuatu amalan sahaja. Ini bermakna, ia bukanlah perkara baharu tetapi berlaku sejak dahulu lagi. Sekiranya berlaku keterlaluan dalam kalangan umat Islam, mereka perlu diperingatkan dan dibimbing agar mengamalkan Islam mengikut keutamaannya.

Kedua: Islam dianggap sebagai ancaman kepada Barat kerana Islam mengambil berat tentang matlamat politik yang menjadi sebahagian dari tuntutan Islam. Islam mengambil berat soal politik kerana akidah Islam yang berteraskan bahawa Islam sahaja agama yang benar manakala agama lain adalah salah. Kempen menundukkan ancaman ini sudah lama dilakukan tetapi sejak dua dekad kebelakangan ini, ia boleh dikaitkan dengan perancangan barat untuk menguasai umat Islam dan antara peristiwa yang terbesar ialah serangan 11 September dimana selepas itu Barat melakukan kempen besar-besaran untuk memerangi keganasan. Mereka mengaitkan kegiatan keganasan itu dengan umat Islam walaupun



peperangan dan keganasan itu berlaku juga dilakukan oleh orang lain dengan lebih zalim lagi. Namun, mereka tidak mengaitkannya dengan keganasan seperti tentera Serbia yang menghalau Orang Bosnia. Peperangan saraf menentang keganasan juga dilancarkan dalam media baru dan menjadikannya sebagai alasan untuk menyerang negara Afghanistan dan Iraq. Mereka juga ingin menundukkan mana-mana pihak yang kuat berpegang dengan agama yang boleh mengancam kepentingan mereka.

Sebagai contoh, RAND membahagikan orang Islam kepada empat kategori fundamentalis, tradisionalis, modernis dan sekularis (Benard et al, 2004). Fundamentalis ialah aliran yang kuat menentang nilai barat dan mengambil berat tentang politik Islam serta bercita-cita ingin mewujudkan negara Islam. Kumpulan adalah ancaman terbesar kepada barat khususnya yang mengambil pendekatan yang radikal dan ganas serta menolak demokrasi. Tradisionalis ialah pihak yang mengambil berat tentang pengajian ilmu dan amal ibadat yang tidak menyangkut soal politik. Walaupun ada yang ingin mengembalikan ajaran asal Islam tetapi mereka melakukannya tanpa saluran politik. Modernis ialah aliran yang bersetuju dengan barat dan sekiranya ada yang mengamalkan Islam, mereka akan mengikut tafsiran Islam yang mempunyai nilai liberalisme, pluralisme, hak asasi, humanisme, dan demokrasi. Manakala sekularis ialah aliran yang memang tidak mahu kepada Islam. Tujuan RAND membuat klasifikasi ini ialah untuk mengenalpasti pihak mana yang boleh didekati, mana pihak yang perlu dimusnahkan dan yang boleh dibuat kawan. Mereka ingin menghapuskan dan menundukkan kumpulan fundamentalis atau paling tidak, mereka ingin menyederhanakannya. Mereka menggunakan aliran tradisionalis agar berkonflik dengan aliran fundamentalis dan mewar-warkan bahawa aliran ini adalah aliran Islam yang terbaik. Mereka terus menyokong aliran modernis dan sokongan mereka terhadap aliran sekularis dibuat secara terpilih kerana ada aliran sekular yang menentang mereka.

Dalam menangani dua senario di atas, masyarakat perlu dibimbing dengan manhaj *wasatiyyah* agar tindakan mereka seimbang dan hak serta tanggungjawab ditunaikan seadilnya. Masalah yang dihadapi oleh masyarakat pada masa kini ialah mereka yang mengabaikan agama lebih banyak dari mereka yang melampau dalam agama. Sebagai contoh, orang yang tidak mengerjakan solat jauh lebih ramai dari orang yang berlebihan mengerjakan ibadat solat sunat dan meninggalkan tanggungjawab yang lain. Memang ada segelintir yang salah faham dan jumlah mereka tidak ramai. Namun, mungkin impak mereka besar sekiranya dibiarkan. Walau bagaimanapun, umat Islam perlu ada keutamaan dalam memerangi salah

faham yang berlaku dalam masyarakat agar yang sudah teguran dan penambahbaikan itu tepat pada sasarannya. Kita cuba mengelak dari bersama dengan arus barat yang ingin menghapuskan atau paling tidak ingin menyederhanakan orang Islam yang bersemangat untuk bekerja untuk membangunkan politik Islam dan negara Islam. Yang perlu dibimbing dan diambil tindakan ialah mereka yang mengambil pendekatan bersenjata dan kekerasan agar tidak menggunakan medium ini yang hanya akan membawa masalah besar kepada masyarakat.

Memang ada segelintir pihak yang mempromosikan keganasan dan menganggap bahawa membunuh orang kafir adalah suatu keutamaan kepada orang Islam. Namun, itu tidak menggambarkan keseluruhan Islam. Mereka perlu dibimbing agar dapat melaksanakan Islam mengikut keutamaannya tetapi mempromosikan kesederhanaan dalam beragama secara meluas perlu dicermati. Ia dikhuatiri akan membawa kepada melemahkan ajaran Islam kerana konsep kesederhanaan seakan-akan cuba memisahkan agama dengan kehidupan seharian manusia supaya umat Islam menjadi umat yang biasa-biasa iaitu sederhana malah beserdhana dalam beramal ibadat kepada Allah. Memberi bimbingan kepada mengikuti ajaran Islam secara seimbang dan terbaik amat diperlukan. Mereka perlu melihat amalan Islam secara keseluruhan yang akan lebih nampak lagi cara amalan yang dilakukan oleh Rasulullah dan para sahabat, bukan dengan hanya melihat beberapa ayat al-Quran dan hadis.

## **Aplikasi Keseimbangan Dalam *Wasatiyyah***

Terdapat banyak isu yang seringkali dibicarakan dalam wacana *wasatiyyah* dan menjadi polemik dalam pendekatan Islam dalam kehidupan. Di sini dibincangkan tentang empat isu berkenaan *wasatiyyah* yang seringkali disalah fahami dan menjadi tugas kepada pendakwah untuk menjelaskannya kepada masyarakat.

### **1. Mencari Akhirat, Jangan Lupa Dunia.**

Pendekatan *wasatiyyah* sering dilihat sebagai usaha untuk mempertingkatkan kualiti hidup ummah, sama ada dari segi pembangunan ilmu pengetahuan, pembangunan insan, sistem ekonomi serta kewangan, perpaduan, kenegaraan, pertahanan dan sebagainya (Abdullah Md. Zain dan Khairil Annas Jusoh, 2011). Ke semua aspek ini perlu ditekankan, cuma ia perlu diselaraskan dengan tujuan utama manusia ke dunia untuk beribadat dan mencari sebanyak pahala. Ia perlu dilakukan dengan

menjadikan keseluruhan cara hidup dengan membawa misi agama, bukan sekadar ibadat khusus sahaja. Namun, dalam al-Quran, Allah menggunakan istilah “jangan lupa dunia” berbanding mencari keseimbangan antara dunia dan akhirat. Allah S.W.T. berfirman:

وَابْتَغِ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ ۖ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا ۗ وَأَحْسِنَ كَمَا أَحْسَنَ  
اللَّهُ إِلَيْكَ ۖ وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي الْأَرْضِ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ

Maksudnya: “Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu (kebahagiaan) negeri akhirat, dan janganlah kamu melupakan bahagianmu dari (kenikmatan) duniawi dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik, kepadamu, dan janganlah kamu berbuat kerusakan di (muka) bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerosakan.” (al-Qasas: 66)

Ayat al-Quran tersebut dengan jelas memberitahu manusia bahawa Allah S.W.T. telah memberikan nikmat kepada manusia dengan tujuan agar manusia mencari akhirat. Seorang hukama’ berkata: “Dunia dijadikan untuk manusia dan manusia dijadikan untuk akhirat”. Mencari akhirat bukan dengan hanya solat dan puasa, tetapi ia membawa maksud apa-apa sahaja yang boleh mendatangkan pahala termasuklah memberi kebaikan kepada manusia dan alam sejagat amnya. Ia juga meliputi perkara yang menjauhkan manusia dari dosa dan apa-apa yang membawa kemudaratan kepada manusia dan alam amnya. Allah S.W.T. mengingatkan bahawa dalam mencari pahala itu, jangan lupa untuk mendapat habuan di dunia kerana ia juga sumber pahala. Allah S.W.T. menggunakan frasa “jangan lupa” bermakna memperoleh habuan dunia bukanlah menjadi perkara yang utama. Malahan terdapat dalam banyak ayat al-Quran yang lain, Allah S.W.T. banyak mengingatkan manusia agar tidak alpa dengan kemewahan dunia yang boleh menjerumuskan diri ke lembah neraka.

Terdapat salah faham tentang konsep dunia apabila beranggapan bahawa kemewahan dan kekayaan itu adalah dunia, manakala kemiskinan itu ialah akhirat. Ini adalah tafsiran yang sempit terhadap Islam kerana Islam tidak menyuruh menjadi miskin tetapi menjadi orang kaya yang beringat. Dalam bahasa Arab, dunia berasal dari perkataan “*Dana*” yang membawa maksud “dekat”. Ia merujuk kepada perkara yang tidak membawa pahala dan tidak menjauhkan diri dari dosa. Ia juga membawa maksud hina yang merujuk kepada dunia ini tidak mempunyai nilai di sisi Allah S.W.T. Manakala, akhirat pula berasal dari “*akhir*” iaitu lambat atau

perkara yang akhir. Ia merujuk kepada alam selepas mati di mana manusia akan memperoleh balasan baik dari pahala yang dilakukan atau mendapat balasan buruk dari dosa yang dilakukan. Allah S.W.T. meminta kita supaya mencari sebanyak mungkin pahala dan menjauhkan diri dari dosa kerana Allah S.W.T. telah memberikan kepada kita banyak nikmat.

Salah faham berlaku apabila lebih banyak tumpuan diberikan terhadap firman Allah S.W.T. “jangan lupa dunia” berbanding firman-Nya “carilah akhirat”. Ramai yang mendakwa bahawa kehidupan manusia perlu untuk membuat pembangunan di bumi tetapi seolah lupa dengan tugas yang paling utama iaitu mencari akhirat. Al-Quran meletakkan “mendapat habuan dunia” dalam misi mencari akhirat (pahala). Dunia mesti dibangunkan untuk mencari keredoan Allah kerana dunia adalah ladang ke akhirat. Bagaimana kita mahu sampai ke satu destinasi yang berjambatkan sesuatu, tetapi kita tidak mahu melalui jambatan itu? Dan dunia bukan hanya sekadar jambatan untuk kita menikmati pemandangannya, tetapi dikelilingi oleh ladang. Tempat untuk kita bekerja. Menanam amal yang akan berbicara untuk kita di akhirat kelak.

## 2. Tugas *al-ist'mar* dan misi keimanan

Tugas membangunkan dunia diberikan kepada manusia selepas mereka dilantik sebagai khalifah yang meliputi tugas pembangunan material, perpaduan masyarakat dan kerukunan hidup. Allah S.W.T. menamakan tugas ini sebagai *al-ist'mar* yang bermaksud “minta membangunkan”. Ia berasal daripada perkataan *i'marah* iaitu pembangunan. Ini disebutkan dalam ayat berikut:

هُوَ أَنشَأَكُم مِّنَ الْأَرْضِ وَأَسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا فَاسْتَغْفِرُوهُ ثُمَّ تَوْبُوا إِلَيْهِ

Maksudnya: Allah yang menjadikan kamu dari tanah dan Allah meminta kamu memakmurkan bumi ini. Maka mintalah keampunan dari Allah dan bertaubat kepadaNya. (Hud: 61)

Namun, adakah tugas membangunkan dunia merupakan tugas paling utama sebagai seorang Muslim atau tugas menjalankan dakwah Islam kepada masyarakat adalah paling utama. Berdasarkan ayat 56 dalam Surah al-Dharyat yang menjelaskan ibadat sebagai matlamat utama penciptaan manusia, mengajak manusia beriman merupakan aspek yang paling utama. Ini disokong dengan banyak al-Quran dan hadis bahawa tujuan utama manusia bukan untuk membangunkan dunia ini sahaja. Kalau begitu tidak perlu nabi Hud diutuskan kepada kaum `Ad yang memahat gunung untuk

membina rumah dan Nabi Musa a.s. kepada Firaun yang telah membina tamadun Mesir. Benar, tugas untuk membangunkan dunia adalah tugas penting kepada manusia dan tugas ibadat adalah tugas yang paling utama. Keduanya boleh digabungkan dengan erti dunia perlu dibangunkan dengan iman, bukan dengan hanya membawa pembangunan, dan menggalakkan perpaduan masyarakat tanpa dibawa misi keimanan. Mengikut konsep *wasatiyyah*, setiap sesuatu itu perlu ada kecemerlangan dan keseimbangan dengan maksud mencari yang terbaik dan meletakkan sesuatu itu pada haknya. Dalam perkara ini, beriman kepada Allah S.W.T. perlu diutamakan di samping mencari keselesaan dalam kehidupan. Walaupun dunia ini dibangunkan, ia bukanlah matlamat hidup kerana ia bersifat sementara. Allah S.W.T. telah menyebutkan bahawa kehidupan dunia ini hanyalah mainan (Surah al-An'am: 32) dan kehidupan di akhirat itu lebih baik (Surah al-Duha: 4). Maka, misi membangun bersama Islam perlu menjadi dasar bagi sebuah negara Islam dan ia perlu dilaksanakan secara berikhtikar terutamanya dalam masyarakat majmuk.

Pendekatan Islam yang mementingkan ketamadunan berbeza dengan pembangunan Islam berteraskan kepada akidah. Tamadun yang kuat ialah tamadun yang berteraskan akidah Islam. Membangunkan dunia pada hakikatnya perlu berteraskan kepada Islam, bukan semata-mata kepada pembangunan material. Inilah tugas para Rasul yang terdahulu yang berhadapan dengan kerajaan yang cukup mempunyai kekuatan material tetapi mereka tidak beriman kepada Allah S.W.T. Kisah kaum `Ad, Thamud dan Firaun diabadikan di dalam al-Quran sebagai teladan umat manusia pada hari ini. Tugas para rasul itu diwarisi oleh umat Islam pada masa kini, cuma mungkin ada pihak yang menganggap apabila selalu menyebut Iman dan Islam, itu adalah pembawaan yang ekstrem. Baginda tidak membina bangunan yang besar, tetapi baginda membina sebuah generasi yang kuat dan utuh akidah sehingga mereka dapat membangunkan Islam dan menyebarkan Islam ke Tanah Arab keseluruhannya.

Selain itu, membangunkan dunia adalah ibadat kerana ia adalah perintah Allah S.W.T. Allah S.W.T. meminta manusia membangunkan dunia kerana ingin memberikan pahala kepada setiap usaha yang dilakukan oleh manusia. Di sinilah timbulnya konsep hidup dan kerja itu adalah ibadah kerana manusia menjadikan keseluruhan hidup dan matinya untuk Allah S.W.T. Ini bermakna ibadah dan pahala itu tidak sekadar berada di masjid dan surau, tetapi menjalankan kehidupan ini adalah juga melaksanakan ibadah kepada Allah S.W.T. Namun, ibadat ini merupakan ibadat umum yang dilakukan selagi mana tidak meninggalkan ibadat khusus dan melaksanakan perintah yang haram. Pahala dan dosa ialah

perkara akhirat yang Allah S.W.T. meminta manusia mendapatkannya sebanyak-banyaknya.

### 3. Dakwah Islam adalah asas hubungan antara kaum

Allah S.W.T. telah menjadikan manusia mempunyai pelbagai etnik dan warna kulit supaya manusia boleh berkenalan antara satu sama lain (Surah al-Hujurat: 10). Dengan kata lain, Allah S.W.T. meminta manusia supaya menerima perbezaan ini dan cuba mengenali kelompok yang berbeza itu. Perbezaan ini bukan untuk dimusuhi tetapi cuba dihargai kerana pada hari akhirat nanti, perbezaan warna kulit tidak menjadi suatu kelebihan. Kelebihan hanyalah kepada orang yang bertaqwa kepada Allah S.W.T. Oleh sebab itu, dalam menghadapi perbezaan ini, Islam meletakkan dakwah sebagai asas paling utama dalam hubungan sesama manusia terutamanya dengan non-Muslim, manakala tolarensi, saling memahami dan bekerjasama sebagai asas yang kedua.

Salah faham wujud apabila hubungan dengan non-Muslim yang berlaku tanpa ada rasa tanggungjawab untuk mengajak mereka kepada Islam. Biarpun Islam mengiktiraf perbezaan pandangan dan agama, namun itu tidak bermakna Islam tidak perlu disampaikan kepada mereka. Mungkin ada sesetengah pihak yang kluatir dengan maklum balas negatif kerana mereka akan terasa hati kerana nilai yang dibawa oleh Islam tidak sama dengan pegangan nilai mereka. Akhirnya, mereka lebih cenderung untuk mendiamkan sahaja biarpun mereka ada kemampuan untuk menyampaikannya. Oleh sebab itu, menurut Anis Malik Taha (2005) berpandangan bahawa perkara agama diketepikan dalam masyarakat berbeza kaum/ majmuk. Mereka lebih cenderung untuk bercakap dalam nilai yang lebih universal berbanding dari perspektif agama. Mereka lebih selesa sekiranya peraturan yang digubal atau apa-apa dasar yang dilaksanakan berasaskan kepada rasional tanpa berdasarkan kepada wahyu.

Umat Islam dituntut berusaha untuk memastikan bahawa mesej dan kandungan ajaran Islam itu dikembangkan dan diberitahu kepada seluruh masyarakat termasuklah kepada non-Muslim. Menjelaskan Islam kepada mereka bermakna memaksa mereka memeluk Islam tetapi menyampaikan sahaja. Hidayah adalah urusan Allah S.W.T. Sekiranya non-Muslim berada dalam pemerintahan orang Islam, hak mereka untuk melaksanakan agama mereka dan untuk meneruskan kehidupan perlu dijaga. Malah terdapat hadis menyebutkan bahawa seseorang yang menyakiti non-Muslim dalam kalangan ahli al-zimmah seperti menyakiti Rasulullah s.a.w. sendiri. Ini bermakna, dakwah kepada Islam dalam

hubungan antara agama adalah lebih utama dari tolarensi kerana tolarensi itu telah terkandung dalam dakwah.

Islam sangat menitikberatkan keadilan dan jaminan keamanan terhadap mereka kerana ia merupakan asas kestabilan pemerintahan dalam sebuah negara dan sebagai wahana dakwah untuk menawan hati mereka. Sifat mereka sebagai bukan Islam bukanlah merupakan lesen kepada mana-mana pihak untuk menindas dan menzalimi mereka bahkan di dalam Islam. Allah S.W.T. telah menegaskan bahawa kezaliman yang dilakukan oleh sesetengah pihak bukanlah alasan untuk meninggalkan keadilan malahan keadilan itu mendorong kepada ketakwaan (Surah al-Maidah: 2). Pengiktirafan yang diberikan oleh Islam ialah dari sudut kemanusiaan yang merangkumi kebebasan untuk bekerja, memiliki tempat tinggal dan sebagainya termasuk kebebasan beragama. Dalam pada itu, Islam hanya menghormati agama dan kepercayaan mereka tetapi tidak mengiktiraf kebenaran agama dan kepercayaan yang dibawa oleh mereka kerana Islam mengamalkan konsep tauhid yang hanya menerima konsep keesaan Allah S.W.T. dan kebenaran itu ialah mutlak, bukannya relatif sebagaimana yang dipegang oleh kumpulan sekular dan liberal. Bagi Islam, tiada tuhan yang layak disembah melainkan Allah S.W.T. dan tiada agama yang benar melainkan Islam.

#### 4. Wara` dan mati syahid dianggap ekstremis agama

Kebelakangan ini perkataan *wara`* jarang kali disebut dan boleh dianggap telah hilang daripada minda orang Islam. Malahan ada orang Islam yang tidak mahu dikaitkan dengan sifat dan imej *wara`* kerana bimbang terikat dengan imej yang baik sehingga tidak lagi boleh untuk melakukan perkara yang maksiat, sedangkan *wara`* merupakan suatu sifat yang perlu diusahakan. Ia merupakan tanda aras kepada tahap ketaqwaan yang kuat dan keimanan yang kukuh kepada Allah SWT. Lebih menyedihkan lagi, ada pula orang menghina perkataan *wara`* dengan riak muka mencemuh dia berkata “eee dia tu *wara`* sangat”. Tuntasnya, *wara`* telah dipandang sinis dan dicemuh; diejek dan diperli disebabkan salah faham tentang Islam hasil daripada bisikan syaitan dan serangan pemikiran barat. Bukankah *wara`* itu merupakan pendekatan yang sangat digalakkan dalam Islam kerana ia meninggalkan perkara yang haram dan menjauhkan diri dari syubhah?

Begitu juga dengan perkataan ‘mati syahid’ yang mengalami nasib yang sama dengan *wara`*. Malahan lebih teruk lagi, ‘mati syahid’ sudah sangat jauh dari minda ramai orang Islam kerana mati ini dianggap sebagai pengganas. ‘Mati syahid’ adalah suatu tahap kematian yang

tertinggi dan paling mulia di dalam Islam yang biasanya akan diperoleh setelah seseorang itu berjuang menghabiskan masa dan hartanya untuk Islam. Orang yang mati syahid akan terus masuk syurga tanpa hisab, rohnya akan dimasukkan di dalam mulut burung hijau yang akan membawanya ke syurga. Kita dapat lihat di bumi lagi kemuliaan orang ‘mati syahid’ apabila jasadnya yang dijumpai masih lagi elok dan tidak dimakan oleh ulat. Oleh sebab itu, ‘mati syahid’ merupakan suatu cita-cita yang perlu disematkan di dalam hati orang Islam. Namun, bagaimanakah cita-cita ini boleh ada kerana matlamat hidup mereka adalah mendapat kemewahan, kekayaan dan pencapaian yang tinggi dalam kehidupan?

Apabila perkataan wara’ dan mati syahid tidak lagi mendapat tempat dalam minda umat Islam, bagaimanakah mereka akan menjadi umat yang terbaik? Sedangkan slogan yang sering dilaungkan ialah kita ialah umat yang terbaik. Ini merupakan fitnah yang besar kepada umat Islam kerana mereka tidak lagi mahu menjadi orang yang bertaqwa, tetapi hanya menjadi seorang Muslim yang ‘biasa-biasa sahaja’ atas nama kesederhanaan dengan maksud tidaklah terlalu baik dan tidak juga terlalu jahat. Apakah tafsiran ‘biasa-biasa sahaja’ itu? Adakah ia membawa maksud seseorang itu mengerjakan solat Subuh, kemudian pergi kerja, tetapi pada waktu petang dia berpoco-poco secara bebas antara lelaki dan perempuan; dan pada waktu malam pula, selepas solat Maghrib berjemaah, dia pergi *dinner* sambil menari hingga larut malam. Adakah tafsiran ‘biasa-biasa sahaja’ seperti ini diterima dalam Islam? Inilah fitnah yang besar kepada umat Islam apabila perkataan “kesederhanaan” dipropagandakan yang menyebabkan mereka mentafsir sendiri perkataan itu mengikut selera mereka.

## Kesimpulan

Terjemahan *wasatiyyah* kepada kesederhanaan tidak menepati sepenuhnya erti *wasatiyyah* seperti mana yang ditafsirkan oleh ulama berdasarkan kepada ayat al-Quran dan hadis serta amalan hidup Rasulullah dan para sahabat. Dalam usaha mendekati masyarakat, adalah penting untuk memahami situasi dan keadaan mereka agar sesuatu pendekatan yang sesuai dapat diketengahkan. Bagi masyarakat yang kurang kuat berpegang dengan agama, gesaan perlulah ditingkatkan untuk mereka menjadi orang yang berpegang kuat dengan agama. Kepada orang yang sudah kuat berpegang dengan agama, bimbinglah mereka untuk memahami keutamaan dalam kehidupan dan menekankan tentang hak dan tanggungjawab yang perlu mereka laksanakan dalam kehidupan. Tidak



wajar menumpukan satu tanggungjawab sahaja tetapi meninggalkan tanggungjawab yang lain. Adapun menyederhanakan umat Islam dari beramal dengan ajaran Islam, ia perlu dicermati bagi mengelakkan dari melonggarkan pegangan umat Islam dan mereka takut untuk menjadi umat Islam yang kuat kerana takut dianggap sebagai pelampau agama.

## Rujukan

Al-Quran

Sahih al-Bukhari.

Abdullah Md. Zain dan Khairil Annas Jusoh. 2011. *Pendekatan Wasatiyyah Dalam Menghayati 1Malaysia*. Kuala Lumpur: MPH Group Printing.

Anis Malik Taha. 2005. *Al-Taaddudiyah al-Diniyyah*. Kuala Lumpur: IIUM.

Benard, C., Riddile, A., Wilson, P.A. and Popper, S.W., 2004. *Civil Democratic Islam: Partners, Resources, and Strategies*. California: Rand Corporation.

Ibn Manzur. 1993. *Lisan al-'Arab*. Al-Qahirah: Dar al-Hadith.

Mohd Kamal Hassan. 2011. *Voice of Islamic Moderation From the Malay World*. Ipoh: EMIR.

Mohamad Kamil Hj Abdul Majid et al. 2014. *Wasatiyyah Islam Antara Liberalisme dan Konservatisme di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jamiyyah.

al-Qaradawi, Yusuf. 2006. *Dirasah fi Fiqh Maqasid al-Shari'ah*. Cet ke3. Al-Qahirah: Dar al-Shuruq.

al-Qaradawi, Yusuf. 2011. *Kalimat fi al-Wasatiyyah al-Islamiyyah wa Ma'alimiha*. Cet ke3. Al-Qahirah: Dar al-Shuruq.

Al-Sallabi, Muhammad Ali. 2001. *al-Wasatiyyah fi al-Quran al-Karim*. al-Shariqah, Al-Imarat: Maktabah al-Sahabah.